

# KURSUS-KURSUS JANGKA PENDEK

## MEMBINA PASUKAN KERJA YANG CEMERLANG (TEAMBUILDING)

### PENGENALAN

Setiap organisasi sama ada kerajaan atau swasta, memerlukan pegawai dan kakitangan yang cemerlang dalam segala aspek kerja. Kecemerlangan yang sebenar-benarnya tidak dapat dihasilkan oleh individu atau kumpulan individu yang mempunyai ilmu, kemahiran, dan kesihatan semata-mata. Ada lagi faktor lain yang perlu ada pada setiap individu tersebut termasuk semangat kerja berpasukan dan semangat kekeluargaan dalam organisasi.

Penyelidikan menunjukkan bahawa sebahagian besar pegawai dan kakitangan dalam organisasi di Malaysia belum lagi terdedah kepada latihan bersepadu (integrated) yang menggabungkan aspek-aspek ini, iaitu ilmu, kemahiran, kecemerlangan fizikal, kemantapan emosi, kerohanian, dan semangat kerja sepasukan.

### OBJEKTIF

- Mengenal kekuatan dan kelemahan diri dalam konteks kerja berpasukan demi untuk memperkasa pengurusan organisasi.
- Memahami teknik menggerakkan diri ke arah menjadi "orang baru" dan ahli pasukan kerja yang cemerlang.
- Menyedari kepentingan bekerjasama dalam membentuk pasukan kerja yang cemerlang.
- Memperbaiki sikap, amalan, dan disiplin serta dedikasi diri ke arah bekerja dengan cemerlang sebagai satu pasukan.

### METODOLOGI

Kombinasi ceramah, aktiviti luaran, role play, dan aktiviti berkumpulan bertujuan untuk memantapkan pemahaman peserta kursus terhadap topik-topik yang dipelajari.



### TOPIK KURSUS

#### Pengenalan dan Suaikenal

- Objektif & Aturan Program
- Suaikenal (Diri dan Organisasi) Pecah Kumpulan
- Kehebatan Kumpulan (Nama & SWOT kumpulan)
- Hamba dan Khalifah

#### Konsep dan Kepentingan Kerja Berpasukan

- Konsep sebenar kerja berpasukan: kerja berkumpulan lwn kerja berpasukan
- Dimensi intra dan inter pasukan
- Kepentingan kerja berpasukan kepada kejayaan organisasi

#### Memahami Pasukan Kerja Yang Berjaya

- Ciri-ciri pasukan berjaya
- Dimensi prestasi dan sosio-emosional
- Asas dan pra-syarat kejayaan kerja berpasukan
- Analisis tahap kerja berpasukan kita

#### Membina dan Memimpin Pasukan Berjaya

- Cara membentuk semangat dan sikap positif terhadap kerja berpasukan
- Membina misi dan matlamat pasukan
- Teknik membina perhubungan dan komunikasi terbuka
- Memahami perbezaan peranan dan personaliti
- Amalan pembuatan keputusan dalam pasukan
- Meningkatkan kepercayaan dan sokongan

#### Aktiviti Luaran

- Acid River (Stop Gap Innovation)
- Blind Train (arahan dan kepercayaan)
- Scrum carry
- Supply Game

*your success is our driving force*